

KOTA BAHARU, 28 JUN (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAKU BUKU KARANGANNYA "THE MALAY DILEMMA" YANG DIHARAMKAN DI NEGARA INI TELAH DICETAK BUAT KALI KEEMPAT DI SINGAPURA.

KATANYA, BELIAU MEMANG MEMBERI KEBENARAN KEPADA SEBUAH PENCETAK DI REPUBLIK ITU BAGI MENCETAK SEMULA BUKU TERSEBUT DAN ADA MENERIMA BAYARAN ROYALTI DARI PENCETAK BERKENAAN.

"OLEH KERANA BUKU TERSEBUT TIDAK DIHARAMKAN DI SINGAPURA, ADAKAH SALAH KALAU SAYA MENERIMA BAYARAN ROYALTI DARI BUKU KERANGAN SAYA SENDIRI?" TANYA BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB BEBERAPA SOALAN YANG DIBANGKITKAN OLEH YANG DIPERTUA AGUNG PAS, DATUK HAJI MOHAMED ASRI MENGENAI BUKU TERSEBUT KELMARIN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DI SINI UNTUK LAWATAN SEHARI KE KELANTAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANG BENAR RANCANGAN MALAYSIA KEDUA TELAH TIDAK MENCAPI KEJAYAAN 100 PERATUS SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH DATUK ASRI.

TEGAS BELIAU, "DALAM SEGALA KERJA DAN RANCANGAN APA PUN KEJAYAAN 100 PERATUS TIDAK MUNGKIN DIPEROLEHI NAMUN DEMIKIAN KEJAYAAN YANG DICAPAI DALAM TEMPOH RANCANGAN TERSEBUT ADALAH JAUH LEBIH BAIK DARI APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN PAS SELAMA 19 TAHUN MEMERINTAH KELANTAN."

—BERSAMBUNG HM 1800

22

B616

MAHATHIR-BUKU 2 KOTA BAHARU

MENGENAI CABARAN DATUK ASRI SUPAYA BELIAU MELONGGARKAN PENGHARAMAN RAPAT UMUM SELAMA EMPAT JAM SERTA MENGHALALKAN PENGHARAMAN BUKUNYA BEBERAPA KETIKA BAGI MENGADAKAN PERDEBATAN TERBUKA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BAGI DATUK ASRI HARAM DAN HALAL ADALAH SATU PERKARA YANG DIPANDANG RINGAN "KERANA IA TIDAK SEDIKITPUN MENGHORMATI UNDANG-UNDANG KERANA JIKA IA MENGHORMATINYA, SUDAH TENTU IA TIDAK MEMBUAT CABARAN SEUMPAMA ITU."

MENURUTNYA, BAGI DATUK ASRI SEBELUM PAS MEMASUKI KERAJAAN BARISAN NASIONAL PARTI BN DIANGGAPNYA SEBUAH PARTI YANG HARAM TETAPI SETELAH PAS MENJADI PARTI KOMPONEN BN DIHALALKAN OLEH DATUK ASRI.

TETAPI SETELAH PAS KELUAR DARI BN DATUK ASRI SEKALI LAGI MENYATAKAN BAHAWA BN ITU SEBUAH PARTI YANG HARAM.

TERHADAP SOALAN DATUK ASRI MENGAPA BELIAU TIDAK PERNAH MENYERANG ATAU MENGULAS PENANGKAPAN DATUK ABDULLAH AHMAD, BEKAS TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI YANG MENGAKU DIRINYA SEORANG KOMUNIS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: "DALAM SESEBUAH KERAJAAN ADALAH TIDAK PERLU BAGI SEMUA KABINETNYA MENYERANG, MENGULAS ATAU MEMBINCANGKAN SATU PERKARA YANG SAMA KERANA SETIAP PERKARA ITU ADA MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB.

"DALAM SOAL DATUK ABDULLAH, MENTERI PENERANGAN DAN MENTERI DALAM NEGERI TELAH MENGULASNYA DAN SAYA SENDIRI TIDAK PERLU LAGI MEMBUAT SEBARANG ULASAN."

SEBALIKNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERTANYAKAN DATUK ASRI SAMA ADA BELIAU JUGA PERNAH MENYERANG ATAU MENGKRITIK DATUK ABDULLAH SEMASA PAS MASIH BERADA DALAM BN DAN BELIAU SENDIRI MENJADI MENTERI KABINET.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, SEMASA PAS MULA-MULA KELUAR DARI BN MEMANG BELUM BERLAKU PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU TETAPI SEKARANG DENGAN ADANYA ISU TERTENTU YANG DIBANGKITKAN OLEH PARTI ITU MENJELANG PILIHANRAYA INI NYATA BENAR PERPADUAN ORANG MELAYU TELAH TERGUGAT.

ANTARA ISU YANG DIGUNAKAN OLEH PAS TERUTAMA DI KEDAH IALAH SOAL KAFIR-MANGKAFIR, ORANG PAS HARAM BERKAHWIN DENGAN ORANG UMNO DAN ADALAH HARAM BAGI ORANG PAS MENYEMBAHYANGKAN MAYAT ORANG UMNO.

—BERNAMA HM 1806